

# Tolak politik taksub

Oleh Luqman Arif Abdul Karim  
luqman.arif@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**B**elia perlu menolak budaya politik taksub dan mengentengahkan acuan kepemimpinan tersendiri, selain menerapkan keterbukaan dalam meraikan perbezaan pendapat.

Aktivis kemanusiaan, Dr Mohd Rizal Abd Rahman, 28, berkata iltizam kerajaan menerusi penubuhan Parlimen Belia diyakini menjadi pemangkin terbaik untuk mengubah landskap politik negara dan melahirkan pemimpin generasi pelapis.

Bagaimanapun, calon Parlimen Belia dari Kedah itu, mahu golongan muda mempelajari rentak pemimpin lama supaya hasrat kerajaan ke arah transformasi politik dapat direalisasikan.

## Tidak di tampuk lama

“Ini gaya yang sepatutnya golongan muda terapkan, supaya corak kepemimpinan mereka tidak berada di tampuk lama, selain dicemari sikap kepartian hingga gagal membezakan kepentingan peribadi dan untuk manfaat rakyat,” katanya, semalam.

Pada peringkat negeri, graduan perubatan dari Universitas Kristen Krida Wacana (UKRIDA), Jakarta, itu berhasrat memperju-

angkan taraf pendidikan dan kemudahan kesihatan belia di Kedah, yang disifatkan masih kekurangan.

Malah, katanya, kesedaran ibu bapa terhadap peluang pendidikan belia di negeri itu perlu ditingkatkan menerusi penganjuran wacana dan program bersesuaian, selain memperkasa kaedah penyampaian maklumat khususnya berkaitan pemberian biasiswa.

## Ramai belia berpotensi

“Ramai belia berpotensi dan mempunyai kelayakan, namun mereka tidak mendapat pendedahan secukupnya mengenai peluang melanjutkan pelajaran,” katanya.



“*Ini gaya yang sepatutnya golongan muda terapkan, supaya corak kepemimpinan mereka tidak berada di tampuk lama*”

**Dr Mohd Rizal Abd Rahman,**  
Aktivis kemanusiaan

UNDILAH  
SAYA

» Terapkan keterbukaan dalam meraikan perbezaan pendapat

## Siti Halisah Hussain

- ⊗ **Umur:** 30
- ⊗ **Pendidikan:** Sijil Rekreasi Tahap Dua, Jabatan Belia dan Sukan
- ⊗ **Negeri:** Pulau Pinang
- ⊗ **Nombor Calon:** PP012



“  
Penstrukturan semula **peluang kerjaya dalam kalangan belia berteraskan merit** dan kelayakan perlu dilaksana bagi menjamin keberkesanan pengurusan kerajaan”

## Muhammad Haniff Abdul Ayub

- ⊗ **Umur:** 28
- ⊗ **Pendidikan:** Diploma Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM)
- ⊗ **Negeri:** Sabah
- ⊗ **Nombor Calon:** SBH043



“  
Penubuhan pusat komuniti pendidikan dan keusahawanan setempat, khususnya di luar bandar adalah **pemangkin terbaik untuk kerajaan menyalurkan peluang**”

## Rashidah Mohd

- ⊗ **Umur:** 24
- ⊗ **Pendidikan:** Pelajar Tahun Akhir, Pengurusan Sistem Pejabat, Universiti Teknologi MARA
- ⊗ **Negeri:** Terengganu
- ⊗ **Nombor Calon:** TRG011



“  
Kerajaan perlu **memberi insentif pengecualian cukai dan peluang melanjutkan pendidikan** kepada golongan muda Terengganu di luar negara”

## Muhammad Syafiq Mohd Mazalan

- ⊗ **Umur:** 22
- ⊗ **Pendidikan:** Asasi Pendidikan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL), Universiti Teknologi MARA
- ⊗ **Negeri:** Kelantan
- ⊗ **Nombor Calon:** KEL 013



“  
**Wujudkan institut pemikir dalam usaha memberi latihan asas dan kemahiran** bersesuaian untuk mereka menceburi bidang keusahawanan”

## Akmal Saufi Mohamed Khaled

- ⊗ **Umur:** 27
- ⊗ **Pendidikan:** Ijazah Sarjana Undang-Undang (Kepujian), Universiti Islam Antarabangsa (UIA)
- ⊗ **Negeri:** Johor
- ⊗ **Nombor Calon:** JHR 019



“  
Kerajaan wajar mewujudkan sistem penarafan bagi memacu prestasi universiti tempatan dalam **melahirkan mahasiswa yang bersedia menempuh alam pekerjaan**”